

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SAU300 - Pekerjaan dan Kehidupan

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Calon-calon boleh menjawab dalam Bahasa Malaysia ATAU Bahasa Inggeris. Bagi mereka yang menjawab dalam Bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya SATU soalan MESTI dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Jawab ENAM (6) soalan dari Bahagian A dan SATU (1) soalan dari Bahagian B.
[Answer SIX (6) questions from Section A and ONE (1) question from Section B.]

BAHAGIAN A [SECTION A]

Jawab ENAM (6) soalan sahaja dari Bahagian A. Setiap soalan bernilai 10 markah.
[Answer only SIX (6) questions from Section A. Each question is worth 10 marks.]

1. Bagaimanakah organisasi kerja dan pembahagian tenaga buruh telah dipengaruhi oleh perubahan-perubahan dalam teknologi di antara masyarakat pra-industri dan masyarakat industri?

[How has work organisation and the division of labour been influenced by changes in technology between pre-industrial and industrial societies?]

2. Menurut Marx, mengapakah kerja membuat seseorang rasa terasing?

[According to Marx, what makes work alienating?]

3. Menurut Durkheim, apakah berbezaan diantara kesetiakawanan 'mechanical' dan 'organic'? Berikan contoh-contoh.

[According to Durkheim, what is the difference between 'mechanical' and 'organic' solidarity? Give examples.]

4. Dengan idea apakah Mayo memulakan penyelidikan beliau ke atas produktiviti pekerja? Mengapakah beliau megubah idea-ideanya?

[With what ideas did Mayo begin his research on worker productivity? Why did he change his ideas?]

5. Menurut Braverman, bagaimanakah potensi kerja menjadi upah/gaji dan keuntungan?

[According to Braverman, how does work potential become wages and profits?]

6. Mengapakah sesetengah penulis memikirkan bahawa pengurangan kemahiran secara universal belum wujud hasil daripada industrialisasi?

[Why do some writers think that universal deskilling has not taken place as a result of industrialisation?]

7. Bagaimanakah pekerja-pekerja membantu dalam menghasilkan keadaan-keadaan yang menyumbang kearah pengeksploitasian terhadap diri mereka sendiri?

[How can workers help to create conditions that contribute to their exploitation?]

8. Apakah ciri-ciri pengeluaran besar-besaran Fordist?

[What are the characteristics of Fordist mass production?]

9. Apakah perubahan-perubahan yang telah berlaku dalam penglibatan kaum wanita dalam tenaga kerja yang dibayar, di negara-negara Barat sejak 150 tahun yang lalu? Bagaimanakah keadaan ini boleh dibandingkan dengan keadaan di Malaysia?

[What changes have occurred in the participation of women in the paid workforce over the past 150 years in the West? How do these compare to the situation in Malaysia?]

10. Orientasi-orientasi jenis apakah yang pekerja ada terhadap kerja mereka?

[What kinds of orientations do workers have towards their work?]

11. Apakah di antara kerumitan dalam mengaplikasikan tiga orientasi utama terhadap kerja?

[What are some of the difficulties in applying the three main orientations to work?]

12. Bagaimanakah perubahan-perubahan dalam teknologi masa kini akan memberi kesan terhadap pengambilan pekerja dan gaya hidup pada masa hadapan?

[How are present technological changes likely to affect future employment and lifestyles?]

BAHAGIAN A *[SECTION A]*

Jawab **SATU** (1) soalan sahaja dari Bahagian B. Setiap soalan bernilai 40 markah.
[Answer only ONE (1) question from Section B. Each question is worth 40 marks.]

13. Banding dan nilaikan cara-cara Taylorisma, pemikiran-pemikiran pengurusan 'Human Relations' and 'Neo-Human Relations' berusaha untuk memotivasikan pekerja-pekerja menggunakan tenaga mereka dengan maksimumnya.

[Compare and evaluate the ways in which Taylorism, the Human Relations and Neo-Human Relations schools of management tried to motivate workers to produce their maximum effort.]

14. Bagaimanakah proses buruh (pembahagian kerja, organisasi kerja, dan tahap kemahiran), dan peluang-peluang pekerjaan dipengaruhi oleh perubahan-perubahan dalam teknologi-teknologi yang berkaitan dengan kerja? Bincangkan dengan merujuk kepada period-period utama dalam perkembangan kapitalisme, dengan memberikan tumpuan khas kepada perubahan-perubahan masa kini?

[In what ways have the labour process (the division of labour, the organisation of work, and level of skill), and employment opportunities, been affected by changes in work-related technologies? Discuss with reference to the major periods in the development of capitalism, giving particular attention to contemporary changes.]

15. Gender telah, dan masih, merupakan aspek utama pembahagian kerja dalam semua masyarakat. Huraikan ciri-ciri utama dalam pembahagian kerja berdasarkan gender, dan terangkan mengapa ianya sebegini. Apa yang anda fikirkan dapat mengubah keadaan ini?

[Gender has been, and still is, a central aspect of the division of labour in all societies. Describe the major features of the gendered division of labour, and explain why it is so. What do you think can be done to change it?]